

0332

R **BO59** B A H
MAHATHIR - PERPADUAN

MUAR, 11 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED MENYERU ORANG MELAYU SUPAYA MEMASTIKAN MAJORITI DARIPADA MEREKA TERUS BERADA **DI** BUAH PAYUNG UMNO UNTUK MEMASTIKAN MEREKA TERUS MAJU.

PERDANA MENTERI YANG **JUGA** PRESIDEN UMNO BERKATA **PADA** MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN PERHIMPUNAN MELAYU JOHOR **DI SINI MALAM INI** BAHAWA LANGKAH ITU PERLU UNTUK MEMASTIKAN ORANG MELAYU **MEMPUNYAI** TENAGA YANG **LEBIH** BAGI MEREKA MENGUKUHKAN KEDUDUKAN DALAM PELBAGAI **BIDANG**, DAN TIDAK TERBATAS **PADA** POLITIK SAHAJA.

+JIKA ORANG MELAYU MENGHABISKAN MASA UNTUK **BERTELINGKAH**, KITA TAK ADA TENAGA YANG LEBIH UNTUK MENGUASAI BIDANG-BIDANG **EKONOMI**, PELAJARAN DAN **SEBAGAINYA**,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGI MEMASTIKAN UMNO TERUS KEKAL SEBAGAI PARTI MAJORITI **MELAYU**, SEMUA PIHAK HENDAKLAH MEMASTIKAN GENARASI MUDA MELAYU SENTIASA MENDAFTAR SEBAGAI ANGGOTA **PARTI**. -- **LAGI**
0004MST 12 1 2 8 9

0333

R **BO60** B A H
MAHATHIR - PERPADUAN 2 MUAR

MEMANG ORANG MELAYU TELAH BERJAYA DALAM POLITIK TETAPI MEREKA TIDAK **BOLEH** MENGHARAPAKAN **SANGAT** KEPADA SESUATU KEKUATAN SAHAJA SEBAB IA **MUDAH RETAK**, KATANYA **PADA** MAJLIS YANG **DIHADIRI** OLEH LEBIH **10,000** ORANG TERMASUK MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI, **BEKAS PERDANA MENTERI** TUN HUSEEIN ONN YANG **JUGA** PENASIHAT JAWATANKUASA PENGASAS PERHIMPUNAN MELAYU JOHOR, YANG DIADAKAN **DI 'JOHOR** BAHARU **DISEMBER** TAHUN LEPAS.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENYIFATKAN PERJUANGAN ORANG MELAYU BELUM **TAMAT** DAN **MASIH BANYAK** LAGI MATLAMAT DAN KERJA YANG PERLU DIBERI TUMPUAN UNTUK MENJADIKAN MEREKA SEBAGAI **BANGSA** YANG TERHORMAT.

+ **KITA** TIDAK MAHU **LAGI** ORANG TERUS **MENGINA MELAYU**, TERUS BERPECAH BELAH DAN **MUNDUR**,+ KATANYA.

SEBELUM **ITU**, TUN HUSSEIN BERKATA USAHA KE ARAH PERPADUAN MELAYUU HENDAKLAH DILAKUKAN DENGAN SEIKHLAS-IKHLASNYA DAN SEBERAPA SEGERA AGAR DAPAT DITUMPUKAN KEPADA **SOAL** LAIN SEPERTI **EKONOMI**, AGAMA DAN KEBUDAYAAN **BANGSA**. -- **LAGI**
0008MST 12 12 8 9

0334

R **BO61** B A H
MAHATHIR - PERPADUAN 3 MUAR

PERBINCANGAN SECARA IKHLAS ADALAH PENTING KERANA TANPANYA PELBAGAI MASALAH BOLEH TIMBUL **SAMA ADA** **PADA** PERINGKAT PERUNDINGAN ATAU **PELAKSANAAN**, KATANYA.

+**KALAU** BENAR-BENAR MAHU **SELESAIKAN** PERPADUAN **MELAYU**, KITA TIDAK HARUS BERTANGGUH-TANGGUH LAGI KERANA LEBIH **BANYAK** CABARAN AKAN DIHADAPI **PADA MASA HADAPAN**,+ KATANYA.

BELIAU MENINGATKAN ORANG MELAYU SUPAYA BERSATU SEBELUM TERLAMBAT ... +SEBELUM EKONOMI DAN POLXTIK **KITA** TERGUGAT+.

TAMBAH BELIAU ORANG MELAYU HENDAKLAH **MEMIKIRKAN** MASA DEPAN ANAK CWCU MEREKA DAN MENGENEPIKAN KEPENTINGAN **DIRI** SEMASA BERUSAHA KE ARAH PERPADUAN.

SAMBUTAN **MALAM INI** DIMULAI DENGAN MAJLIS **TAHLIL** DAN SEMBAHYANG BERJEMAAH **DI** MASJID SULTAN IBRAHIM **DI SINI**.

SELEPAS MAJLIS **TERSEBUT** **PERDANA MENTERI** DXARAK DENGAN IRINGAN PALUAN KOMPANG DAN **BUNGA** MANGGAR KE PADANG SEKOLAH **TINGGI MUAR**, YANG **BERDEKATAN**, **DI** MANA RIBUAN ORANG MENUNGGU. -- BERNAMA
0010MST 12 12 8 9